

05/06/1997

UKM berjaya keluarkan graduan profesional Bumiputera

Radzuan Ghazali

LANGKAH Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mewujudkan Kursus Matrikulasi (KM) dengan pengambilan sulung sebanyak 177 orang pelajar cemerlang lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mulai pengajian Sesi 1974/75 bagi mengikut KM selama setahun adalah langkah untuk menambah bilangan pelajar Bumiputra dalam bidang Sains dan Teknologi (S & T) disamping menyediakan asas yang kukuh dan luas kepada mereka sebelum mengikuti pelbagai bidang di fakulti-fakulti yang sedia ada di UKM. Pengwujudan KM di UKM bukan sahaja wajar sebagai penambahan bilangan pelajar Bumiputra di bidang S & T di peringkat ijazah pertama tetapi turut selari dengan matlamat penubuhan KM iaitu menambahkan bilangan pelajar Bumiputra aliran Sains memasuki universiti ini.

Selain itu, memberi kesempatan dan kemudahan kepada pelajar-pelajar luar bandar terutamanya untuk mencapai tingkat pendidikan yang lebih tinggi serta membantu kerajaan dalam menjayakan wawasan negara. Pengambilan pelajar kumpulan ulung seramai 177 orang lepasan SPM mengikuti KM Sains boleh dianggap sebagai satu percubaan berjaya atau gagalnya kursus berkenaan di UKM universiti yang terawal menjayakan program KM untuk pelajar-pelajar Bumiputra. Program tersebut diadakan di Bangunan Institut Teknologi Mara (ITM) terletak di Jalan Othman, Petaling Jaya selama dua semester (setahun). Hasilnya daripada keputusan peperiksaan akhir para pelajar kumpulan tersebut berupaya mempamerkan keputusan baik iaitu dengan keputusan 86.4 peratus calon atau 153 pelajar telah lulus dan seterusnya layak melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah pertama mereka di fakulti jurusan sains.

Mereka yang gagal dalam keputusan berkenaan diberi peluang untuk mengulang peperiksaan dan akhirnya 24 pelajar berkenaan lulus dalam peperiksaan dan turut peluang melanjutkan pelajaran menjejaki rakan mereka yang terdahulu. Sejak itu fakulti sains di UKM berterusan memberi peluang pelajar lepasan SPM melanjutkan pelajaran mereka sebagai persediaan sebelum melangkah ke pengajian tahun pertama ijazah pertama di universiti. Sebagai universiti paling awal menjalankan KM jika dibandingkan dengan IPT tempatan lain, UKM sentiasa mencari ruang dan peluang memperluaskan KM yang ada dan tidak terbatas hanya kepada satu kursus sahaja.

Justru itu, UKM tidak menoleh ke belakang malah memperkenalkan satu lagi program iaitu Kursus Matrikulasi Undang-undang (KMUU) mulai sesi 1984/85 dengan pengambilan kumpulan sulung seramai 40 orang pelajar untuk persediaan melanjutkan pelajaran di bidang Sarjana Muda Undang-Undang dengan Kepujian di fakulti Undang-Undang UKM. KM Sains setahun yang ditawarkan terdahulu bagaimanapun diubah dengan KM Sains selama dua tahun (empat semester) mulai Sesi 1988/89. Pusat Matrikulasi UKM yang ditubuhkan seiring dengan kewujudan KM memantapkan program dengan membuka peluang lebih ramai kepada lepasan SPM melanjutkan dengan memperkenalkan satu lagi program KM iaitu KM Perakaunan pada pengajian Sesi 1991/92. Pada Sesi 1995/96 program berkenaan digabungkan dengan Ekonomi dikenali dengan Program KM Perakaunan / Ekonomi (KMPE).

Tempoh pengajian KM UKM mengalami beberapa perubahan iaitu antara Sesi 1974/75 hingga Sesi 1988/89 tempoh pengajian adalah setahun telah diubah kepada dua tahun sehingga Sesi 1993/94. Pada sesi 1994/95 pengajian kembali kepada setahun untuk KM Sains Ekspres hanya kepada kursus tertentu dan sekali lagi tempoh pengajian berubah kepada setahun mulai 1996/97 untuk semua kursus.

Peluang dan kekurangan tempat yang disediakan oleh UKM akibat permohonan dan pengambilan yang ramai menyebabkan UKM memperluaskan skop perjalanan kursusnya dengan kerjasama yang diberikan oleh Unit Berasrama Penuh Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan waktu itu dengan tiga buah sekolah telah dipilih menjalankan KM UKM. Tiga sekolah tersebut ialah Sekolah Alam Shah (SAS) dan Sekolah Seri Putri (SSP) di Kuala Lumpur dan Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim (SMSAH) di Jitra, Kedah. SAS dan SSP masih menjalankan KM UKM kecuali SMSAH yang menjalankan KM universiti lain. Kini, setelah 22 tahun program KM UKM diadakan, dari tiga sekolah dan Kampus Induk UKM ia telah berkembang menjadi 17 PM merangkumi sekolah, Kolej, maktab, pusat termasuk kerjasama dengan beberapa kolej swasta untuk menjalankan KM UKM.

Tujuh belas pusat tersebut meliputi satu di Sabah, dua di Sarawak dan 14 di Semenanjung terdiri daripada SAS dan SSP di Kuala Lumpur; Sekolah Menengah Sains Sultan Mahmud dan Sekolah Menengah Sultan Sulaiman di Kuala Terengganu; Sekolah Menengah Sains Tengku Muhammad Faris Petra, Kota Baharu; Sekolah Menengah Sains Muzaffar Syah, Ayer Kroh; Sekolah Sains Miri, Miri; Sekolah Berasrama Penuh, Kota Kinabalu; dan Kolej Mara Seremban dan Kolej Negeri di Seremban. Selain itu, Kolej Premier Yayasan Perak, Ipoh; Kolej Unitek, Kelana Jaya, Petaling Jaya; Pusat Matrikulasi Chermai Jaya, Kota Samarahan; Pusat Matrikulasi Sains Perak Ipoh; Pusat Matrikulasi di Kuala Pilah; Maktab yayasan Pelajar MARA di Bangi; dan di kampus Induk, UKM Bangi.

Tiga Program KM di tawarkan kepada pelajar lepasan SPM iaitu KM Sains yang terbahagi kepada dua jenis kursus iaitu KM Sains Dengan Biologi dan KM Sains Dengan Matematik; KM Undang-Undang; KM Perakuanan/Ekonomi. Pengambilan calon untuk mengikuti ketiga-tiga kursus berkenaan telah meningkat dari tahun ke setahun begitu juga dengan permohonan yang diterima daripada pelajar lepasan SPM.

Bagi KM Sains dengan hanya 177 calon sewaktu mula ia diperkenalkan kini telah meningkatkan dengan jangkaan pengambilan 1,843 calon untuk sesi 1997/98. Begitu juga dengan KMUU dengan hanya 40 calon sewaktu diperkenalkan pada sesi 1984/85 meningkat kepada 100 calon (Sesi 1997/98), dan KMPE hanya 55 calon pertama kali menambah kepada 430 calon (Sesi 1997/98). UKM juga memberi peluang kepada lepasan SPM aliran sastera untuk mengikuti program KM Sains dan langkah ini membuktikan bahawa mereka yang berada di aliran sastera turut berkemampuan mengikutinya dengan bukti yang di tunjukkan di salah sebuah pusat Matrikulasi UKM, Lima tempat teratas daripada 24 pelajar terbaik di pusat berkenaan adalah mereka daripada aliran sastera.

Pelajar lepasan matrikulasi UKM berpeluang luas melanjutkan pengajian mereka di fakulti-fakulti di UKM. Bagi lepasan KM Sains Dengan Biologi berpeluang mengikuti pengajian peringkat ijazah pertama di fakulti Sains Fizis dan Gunaan (FSFG), Fakulti Sains Hayat (FSH), Perubatan (FPER), Sains Matematik (FSM). Pendidikan (FPEND menerusi program Sains dengan pendidikan). Kejuruteraan (FKEJ), Sains Kesihatan Bersekutu (FSKB), Teknologi dan Sains Maklumat (FTSM), Sains Sumber Alam (FSSA) dan Pergigian (FPERG).

Manakala lepasan KM Sains Matematik berpeluang melanjutkan pelajaran di FSFG, FSM, FPEND, FKEJ, FTSM. Lulusan KMUU ke Fakulti Undang-Undang (FUU) dan lepasan KMPE ke Fakulti Pengurusan Perniagaan (FPP), Ekonomi (FE) dan FTSM. Di samping itu, pelajar Matrikulasi Sains dengan biologi yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan dan mempunyai pencapaian yang konsisten turut mempunyai peluang melanjutkan pelajaran ke luar negara dalam bidang perubatan. Setiap tahun, kira-kira 100 orang pelajar berpeluang ke universiti-universiti luar negara dengan tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam. Universiti tersebut adalah University of Otago dan

University Of Auckland di New Zealand, Royal College of Surgeon di Ireland, dan Irish Universities Medical Consortium (IUMC) merangkumi University Of College Galway, University Of College Cork dan University Of College Trinity, University of Dalhousie di Kanada, universiti-universiti terpilih di Indonesia dan yang terbaru di Asean dan Sheffield University di United Kingdom.

Sesi 1996/97 sahaja menyaksikan seramai 134 pelajar lulusan KM UKM telah berjaya melanjutkan pelajaran mereka di bidang perubatan di universiti-universiti tersebut menjadikan lebih 600 lepasan KM UKM telah dan sedang melanjutkan pelajaran mereka di luar negara. Dalam tempoh lebih 20 tahun program KM diwujudkan sehingga Sesi 1995/96 seramai 11,753 telah berjaya mengikuti KM UKM. Kalangan lepas matrikulasi telah berjaya masing-masing sebagai ahli korporat dan usahawan, doktor pakar, profesor, majistret, peguam dan sebagainya. Di beberapa fakulti UKM, ramai lepasan KM UKM berkhidmat sebagai pensyarah di FUU, FSM, FPER, FSFG, FSKB dan bergelar Prof Madya dan Profesor dan ini tidak termasuk mereka yang berkhidmat di sektor awam, swasta atau perbankan sebagai Jurutera, Penyelidikan, Pegawai Sains, Juruanalisa Sistem, Pegawai Dietetik dan sebagainya.

(END)